

08/03/2000

Sik calon Dr M, Pak Lah

SIK, Selasa - Umno Bahagian Sik, mencalonkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai Presiden dan memberikan laluan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden Umno dalam mesyuarat Umno Bahagian, di sini hari ini.

Tiga calon Naib Presiden ialah Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Seri Abu Hassan Omar. Calon bagi Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Umno ialah Pengerusi sedia ada, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah manakala calon timbalannya, ialah bekas Ahli Parlimen kawasan Pokok Sena, Wan Hanafiah Wan Mat Saman.

Senarai itu dicadangkan Ketua Penerangan Umno Bahagian, Mohd Hadzir Jaafar dan dipersetujui sebulat suara.

(END)